

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 June 2015

Masih ada jalan penyatuan Dr. Mahathir-Najib

UM-10/6/2015

KUALA LUMPUR 9 Jun

- Masyarakat Melayu tidak perlu bimbang dengan pergeseran pendapat antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana masih ada jalan untuk dua pemimpin itu membina kefahaman serta bersatu semula.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, hubungan bekas Perdana Menteri itu dengan Najib itu mungkin dilihat sebagai suatu yang merugikan UMNO dan Barisan Nasional (BN), namun itu adalah asam garam dunia politik.

Menurut beliau, satu-satunya cara untuk mengembalikan fungsi dan formula kekuatan UMNO ialah memperjuangkan penyatuan parti dan bukan individu.

“Cabaran seorang Presiden diserang bukanlah perkara baharu malah ketika zaman Dr. Mahathir memegang jawatan itu pun suatu ketika dahulu kejadian yang sama turut berlaku antaranya melibatkan Tun Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Bagaimanapun, kita harus ingat bahawa kekuatan tidak akan bertambah sekiranya kita hanya mengikut individu dan bukannya berdiri tegak di belakang parti.



ANNUAR MUSA

Justeru, orang ramai jangan terlalu cepat menekan ‘butang panik’ hanya kerana terikut-ikut rentak musuh politik,” katanya demikian dalam Forum Bicara Tokoh: Kupasan Isu-Isu Politik Semasa anjuran Pertubuhan Nadi Rakyat Malaysia di sini semalam.

Ucapan Annuar Musa itu turut dimuat naik dalam talian, YouTube (<https://www.youtube.com/watch?v=w3y84hGwsZs>).

Sementara itu, Annuar yang juga Ahli Parlimen Ketereh memberitahu, kekeliruan yang dialami orang Melayu ketika ini turut dirasai beliau kerana turut ‘tersepit’ antara rasa hormat yang tinggi buat Dr. Mahathir dan kepentingan menjaga kepimpinan parti di bawah pimpinan Najib.

“Dalam politik, saya orang ‘ciptaan’ Dr. Mahathir, saya terhutang budi pada beliau, namun dalam menempuh keadaan semasa, saya perlu berada di belakang pimpinan Presiden sekarang ini.

“Bukan kita kurang menyayangi Dr. Mahathir, tapi kita harus lebih sayang pada UMNO. Beliau juga yang mengajar saya mengenai formula kesetiaan pada parti ini ketika memegang jawatan Perdana Menteri,” katanya.